



KENYATAAN MEDIA STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, MEI 2023

**Bilangan penganggur terus menurun pada Mei 2023
merekodkan 584.6 ribu orang dengan kadar pengangguran 3.5 peratus**

PUTRAJAYA, 10 Julai 2023 – Bilangan penganggur terus menurun pada Mei 2023 merekodkan 584.6 ribu orang dengan kadar pengangguran 3.5 peratus, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Mei 2023**. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Dari segi prestasi keseluruhan bagi Mei 2023, DOSM melaporkan bahawa pasaran buruh dilihat terus menunjukkan momentum pertumbuhan yang stabil. Ini dicerminkan oleh peningkatan bilangan tenaga buruh berikutan pertambahan dalam bilangan penduduk bekerja, manakala bilangan penganggur terus menurun. Bilangan tenaga buruh pada bulan tersebut terus mencatatkan trend menaik, dengan peningkatan sebanyak 0.2 peratus kepada 16.86 juta orang (April 2023: 16.84 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh Mei kekal pada 70.0 peratus seperti pada bulan sebelumnya.

DOSM turut melaporkan bahawa bilangan penduduk bekerja pada Mei 2023 meningkat secara berterusan, dengan pertambahan sebanyak 0.2 peratus kepada 16.28 juta orang (April 2023: 16.25 juta orang). Manakala, bilangan penganggur pada bulan tersebut terus menurun, dengan pengurangan sebanyak 0.4 peratus kepada 584.6 ribu orang (April 2023: 586.9 ribu orang), merekodkan kadar pengangguran 3.5 peratus.

Dalam kenyataannya mengenai kedudukan guna tenaga, DOSM melaporkan bahawa 75.5 peratus daripada jumlah penduduk bekerja pada Mei 2023 adalah dalam kategori pekerja. Kategori ini meningkat sebanyak 0.1 peratus bulan ke bulan kepada 12.29 juta orang (April 2023: 12.28 juta orang). Begitu juga, penduduk bekerja sendiri turut mencatatkan peningkatan, dengan pertambahan sebanyak 0.5 peratus kepada 2.94 juta orang berbanding bulan sebelumnya (April 2023: 2.92 juta orang).

Dari segi sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terus mencatatkan trend positif dalam bilangan penduduk pekerja, terutamanya dalam aktiviti Perkhidmatan makanan & minuman; Perdagangan borong & runcit; dan Maklumat & komunikasi. Trend yang

sama dalam guna tenaga juga dilihat dalam sektor Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian serta Pertanian.

Pada Mei 2023, mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan atau penganggur aktif, yang merangkumi 80.5 peratus daripada jumlah penganggur, terus berada dalam trend menurun, dengan pengurangan sebanyak 0.3 peratus kepada 470.4 ribu orang (April 2023: 471.9 ribu orang). Mengikut tempoh pengangguran bagi penganggur aktif, mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan meliputi 60.9 peratus, manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun merangkumi 6.7 peratus. Pada masa yang sama, mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia atau penganggur tidak aktif, turut menurun sebanyak 0.8 peratus merekodkan 114.2 ribu orang (April 2023: 115.1 ribu orang).

Sementara itu, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun menurun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 11.0 peratus dengan jumlah seramai 313.0 ribu penganggur belia (April 2023: 11.1%; 315.6 ribu orang). Manakala, kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur 15 hingga 30 tahun meningkat sebanyak 0.3 mata peratus kepada 7.0 peratus, dengan 448.6 ribu penganggur belia (April 2023: 6.7%; 441.0 ribu orang).

Bagi kumpulan tidak aktif, bilangan penduduk di luar tenaga buruh pada Mei 2023 berada dalam trend menurun, dengan pengurangan sebanyak 0.02 peratus kepada 7.23 juta orang (April 2023: 7.23 juta orang). Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan komposisi utama luar tenaga buruh (43.7%), manakala kategori bersekolah/ latihan berada di kedudukan kedua dengan 40.2 peratus.

Merumuskan keseluruhan kedudukan tenaga buruh pada Mei 2023, susulan ekonomi Malaysia dijangka berdepan cabaran berikutan kedudukan ekonomi global yang tidak menentu, yang digambarkan oleh indikator Indeks Pelopor Malaysia pada April 2023, pasaran buruh juga dilihat akan berdepan dengan ketidaktentuan. Oleh itu, tenaga buruh dijangka berkembang pada kadar yang sederhana dalam beberapa bulan yang akan datang.

Data siri masa dan maklumat lanjut mengenai pasaran buruh boleh diperolehi melalui papan pemuka Data Interaktif Pasaran Buruh Malaysia (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.




Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Connecting the World with Data We Can Trust”.


DOSM akan mengeluarkan Anggaran KDNK Awalan bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi empat (4) minggu awal sebelum KDNK Suku Tahunan dikeluarkan.

Carta 1: Pengangguran, Malaysia, Julai 2020 - Mei 2023



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Isnin, 10 Julai 2023

Carta 2: Luar tenaga buruh, Malaysia, Julai 2020 - Mei 2023



Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

10 JULAI 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA, MAY 2023

The number of unemployed declined further in May 2023 to record 584.6 thousand persons with an unemployment rate of 3.5 per cent

PUTRAJAYA, 10 July 2023 – The number of unemployed declined further in May 2023 to record 584.6 thousand persons with an unemployment rate of 3.5 per cent, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on ***Statistics of the Labour Force, Malaysia, May 2023***. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

In terms of the overall performance for May 2023, DOSM reported that the labour market is seen to continue its steady growth momentum. This is reflected by the increasing number of labour force following the rise in the number of employed persons, while the number of unemployed continued to decline. The number of labour force during the month continued to record an upward trend, with an increase of 0.2 per cent to 16.86 million persons (April 2023: 16.84 million persons). May's labour force participation rate remained at 70.0 per cent as in the previous month.

DOSM also reported that the number of employed persons in May 2023 increased steadily, with a rise of 0.2 per cent to 16.28 million persons (April 2023: 16.25 million persons). Whereas, the number of unemployed persons during the month continued to decline, with a reduction of 0.4 per cent to 584.6 thousand persons (April 2023: 586.9 thousand persons), recording an unemployment rate of 3.5 per cent.

In its statement on the employment situation, DOSM reported that 75.5 per cent of the total employed persons in May 2023 were in the employees' category. This category increased by 0.1 per cent month-on-month to 12.29 million persons (April 2023: 12.28 million persons). Likewise, the own-account workers also posted an upward trend, with an addition of 0.5 per cent to 2.94 million persons as compared to the previous month (April 2023: 2.92 million persons).

In terms of the economic sector, the Services sector continued to register a positive trend in the number of employed persons, particularly in Food & beverage services; Wholesale & retail trade; and Information & communication activities. Similar trends in employment were also observed in the Manufacturing, Construction, Mining & quarrying and Agriculture sectors.

In May 2023, those who were available for work and were actively seeking jobs or the actively unemployed, which comprised 80.5 per cent of the total unemployed persons, continued to be on a downward trend, with a decrease of 0.3 per cent to 470.4 thousand persons (April 2023: 471.9 thousand persons). By duration of unemployment for the actively unemployed, those who were unemployed for less than three months accounted for 60.9 per cent, while those who had been in long-term unemployment for more than a year encompassed 6.7 per cent. On the same note, those who believed that there were no jobs available, or the inactively unemployed, also decreased by 0.8 per cent to record 114.2 thousand persons (April 2023: 115.1 thousand persons).

In the meantime, the unemployment rate for youth aged 15 to 24 years edged down by 0.1 percentage points to 11.0 per cent with a total number of 313.0 thousand unemployed youths (April 2023: 11.1%; 315.6 thousand persons). Meanwhile, the unemployment rate among youth aged 15 to 30 years increased by 0.3 percentage points to 7.0 per cent, with 448.6 thousand unemployed youths (April 2023: 6.7%; 441.0 thousand persons).

As for the inactivity group, the number of persons outside the labour force in May 2023 was in a downward trend, with a decline of 0.02 per cent to 7.23 million persons (April 2023: 7.23 million persons). Housework/ family responsibilities were the major composition of the outside labour force (43.7%), while schooling/ training category ranked second with 40.2 per cent.

Concluding the overall labour force situation in May 2023, as the Malaysian economy is expected to face challenges due to the uncertain global economic position, depicted by the Malaysian Leading Index indicators in April 2023, the labour market is also seen as facing hindrances. Therefore, the labour force is expected to grow at a modest pace in the coming months.

Time series data and more information on the labour market can be obtained through the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) dashboard. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.



The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

DOSM will release the Advance GDP Estimates beginning in the second quarter of 2023. These advance estimates are an initiative by DOSM to provide an overview of the economic performance four (4) weeks prior to the release of Quarterly GDP.

Chart 1: Unemployment, Malaysia, July 2020 - May 2023





Chart 2: Outside labour force, Malaysia, July 2020 - May 2023



Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

10 JULY 2023